



Tarikh : 30 JAN 2020

MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN
KEDAH DARUL AMAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran Sebut Harga adalah dipelawa kepada syarikat tempatan yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)** bertaraf **BUMIPUTERA** atau **BUKAN BUMIPUTERA** yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini dalam bidang berkaitan bagi Sebut Harga seperti berikut :


NOMBOR SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
MPLBP/SBT/08/2020	Cadangan Pelantikan Kontraktor Panel Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan, Pemasangan Dan Pembekalan Alat Ganti Penyaman Udara Di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan	KKM 220301 alat hawa dingin (window/split).	19 FEB 2020 JAM 12.00 TENGAH HARI

2. Syarikat yang berminat boleh mendapatkan Dokumen Sebut Harga di Kaunter Perkhidmatan, Lobi, Aras Bawah, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman mulai tarikh **30 JAN 2020** hingga **19 FEB 2020** pada waktu pejabat sahaja.
3. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap mestilah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dialamatkan kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, Persiaran Putra, Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Nombor dan Tajuk Sebut Harga hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat.
4. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa Sebut Harga ditutup akan ditolak dan tidak akan dilayan. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"

Saya yang menjalankan amanah,


(RADZUAN BIN OSMAN, AMK., BCK.)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman.